

23 FEB 1997

Sabaruddin-Umno

SEMUA ANGGOTA BEBAS TANDING PADA MESYUARAT UMNO CAWANGAN

MELAKA, 23 Feb (Bernama) -- Bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 yang menyertai semula Umno, bebas untuk bertanding pada pemilihan peringkat cawangan mulai April ini, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata sebagai anggota Umno yang sah, mereka juga berhak seperti anggota lain sama ada untuk mengundi atau bertanding.

Tidak seharusnya timbul masalah, katanya semasa diminta mengulas cakap-cakap mengenai kemungkinan ramai bekas anggota parti yang dibubarkan itu terlibat dengan pemilihan peringkat cawangan tidak lama lagi.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat kepada pemimpin peringkat cawangan anjuran Umno Melaka di sini.

Majlis Tertinggi Umno telah menetapkan mesyuarat agung peringkat cawangan kali ini diadakan pada 1 April hingga 15 Mei.

Menurutnya, tidak sepatutnya wujud lagi sikap membezakan bekas anggota S46 dengan anggota lain.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengingatkan beberapa kali supaya tidak berlaku masalah seperti itu kerana semua anggota parti mempunyai hak yang sama, kata Sabbaruddin.

Menurutnya sebanyak 10,603 bekas anggota S46 telah diterima menganggotai Umno sejak Oktober lepas manakala kira-kira 120,000 permohonan lagi masih diproses.

Mengenai taklimat yang disertai 274 cawangan Umno di sini hari ini, beliau berkata Umno negeri lain juga wajar mencontohi usaha itu.

Taklimat dan penerangan yang meluas akan dapat memastikan semua cawangan cukup bersedia menghadapi mesyuarat dan pemilihan yang bakal diadakan kelak, katanya. - BERNAMA

MOZ RON